

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : JANDA BAIK, BENTONG, PAHANG
Tarikh : 2 NOVEMBER 2002
Tajuk : SEMINAR INTELEKTUAL MUDA MELAYU II MALAYSIA DAN
GLOBALISASI – PERANAN INTELEKTUAL MUDA SRI DINAR
TRAINING CENTRE

Tuan Pengerusi Majlis,
Ahli-Ahli Yang Berhormat,
Tuan-Tuan & Puan-Puan,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama berkumpul di seminar yang saya percaya akan memberi manfaat kepada hadirin yang hadir pada malam ini.

2. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Centre for Intellectual Promotion and Technological Advancement (CIPTA) kerana sudi mengundang saya untuk menyampaikan ceramah mengenai isu-isu yang berkaitan dengan globalisasi.

3. Cukup jelas golongan intelektual muda Melayu merupakan tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan bangsa Melayu. Saya penuh yakin golongan ini amat berperanan dan boleh menyumbang kepada proses pembinaan dan pembangunan Negara samada dari aspek politik, ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan. Di masa yang sama, Kerajaan memahami betapa pentingnya golongan intelektual muda Melayu diberi pengiktirafan yang sewajarnya dan sekaligus diberi peluang berganding tangan menyelesaikan isu-isu penting yang dihadapi oleh negara.

4. Seperti yang kita sedia maklum, globalisasi membawa banyak cabaran kepada semua termasuk kaum intelek muda Melayu. Justeru, pengajuran ceramah ini adalah wajar dan tepat memandangkan peranan intelektual muda Melayu sebagai satu komponen penting dalam pembangunan negara dalam era globalisasi.

5. Seperti negara-negara yang lain, Malaysia harus berhadapan dengan globalisasi iaitu dunia tanpa sempadan. Kemajuan teknologi komunikasi dan kemudahan penerbangan telah menjadikan dunia semakin kecil. Namun, ini tidak bermakna kita tidak boleh mempertahankan hak, kepentingan serta kebebasan negara kita. Jangan kita percaya orang asing akan mempertahankan kepentingan kita, terutama jika mereka terdiri dari pedangang wang dan barangan yang mengutamakan keuntungan bagi mereka sahaja. Walaupun kita terpaksa berhadapan dengan proses globalisasi, kita harus yakin bahawa bentuknya masih boleh dibentuk dan diperbaiki.

6. Hakikat yang harus kita terima adalah proses globalisasi lebih membawa faedah kepada negara-negara maju. Jurang pendapatan antara negara maju dan

membangun semakin meluas. Manakala, jumlah mereka yang termiskin, yang majoritinya tinggal di negara-negara membangun telah bertambah.

7. Akibat dari proses globalisasi, kita lihat semakin banyak peraturan dan dasar yang mempengaruhi kehidupan orang kita sekarang dibuat oleh mereka di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, keupayaan Kerajaan merumuskan dasar-dasar untuk kebaikan rakyat akan terjejas. Ini tentu sekali akan mengganggu gugat matlamat atau objektif dasar sosio-ekonomi negara.

8. Globalisasi dengan sendirinya tidak boleh menjanjikan kemakmuran. Malahan, kita dapat melihat bahawa dasar-dasar yang dikenakan oleh institusi-institusi 'juara pasaran bebas' seperti IMF dan Bank Dunia telah membawa mudarat kepada negara-negara membangun. Masalah ini adalah disebabkan sistem pentadbiran IMF yang lebih cenderung untuk mempertahankan kepentingan negara-negara maju. Seharusnya sistem ini harus diubah supaya menjadi lebih telus dan memberi peluang kepada negara-negara membangun untuk menyuarakan pendapat mereka.

9. Jika kita imbas kembali, krisis kewangan Asia pada tahun 1998 telah memperlihatkan akibat proses globalisasi yang tidak dibendung. Jelas sistem kewangan antarabangsa yang sedia ada gagal menangani masalah-masalah yang kian kompleks yang timbul dari proses globalisasi. Sebagai contoh, sistem tersebut tidak dapat menghalang malapetaka yang disebabkan aliran kewangan yang tidak menentu. Malahan, negara-negara yang dianggap sebagai contoh pembangunan seperti Malaysia telah menerima padah yang buruk.

10. Kerajaan Malaysia menyarankan agar proses globalisasi dikendalikan secara berhemah dan mengambil kira tahap pembangunan setiap negara supaya faedah daripada proses tersebut dapat dinikmati bersama. Justeru itu, terdapat keperluan supaya sistem kewangan dan perdagangan antarabangsa diubahsuai. Bagaimanapun, ini masih tidak mencukupi kerana proses pembaharuan tersebut mengambil masa terlalu lama dan tidak menyeluruh. Perkara ini terjadi oleh sebab halangan dan tentangan beberapa negara-negara maju.

11. Izinkan saya tekankan di sini bahawa Malaysia bukan anti-globalisasi. Malahan, sebagai sebuah negara perdagangan yang ke-17 terbesar di dunia Malaysia amat bergantung kepada pasaran terbuka. Namun demikian, disebabkan perkembangan terkini di peringkat antarabangsa seperti krisis kewangan Asia, kita percaya bahawa masyarakat antarabangsa seharusnya memikirkan semula proses globalisasi dengan mengambil kira kesan-kesan negatif proses tersebut.

12. Globalisasi sekiranya dikendalikan secara berhemah, pasti dapat membantu menjanakan sistem antarabangsa yang lebih saksama, di mana jurang perbezaan antara yang terkaya dan termiskin tidak terlalu besar. Kita seharusnya menekankan hasil sesuatu proses dan bukannya pelaksanaannya. Jika hasil sesuatu tindakan itu mendatangkan faedah, wajarlah ia dilaksanakan. Sekiranya membawa mudarat, wajar ianya diubah dan difikirkan semula.

13. Memandangkan betapa banyaknya onak dan ranjau yang wujud dalam era dan arus globalisasi ini adalah penting bagi rakyat Malaysia, termasuk golongan intelektual muda Melayu agar memiliki daya saing yang tinggi untuk bersedia menghadapi dan menangani segala bentuk cabaran globalisasi. Tanpa daya saing kita akan terkandas dan tertinggal di belakang. Persediaan ini bukan sahaja sebagai benteng bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi dunia, tetapi juga untuk merebut peluang di pasaran antarabangsa yang terbuka dengan lebih luas lagi di masa yang terdekat ini. Sebagai contoh, di antara perkembangan globalisasi yang akan memberi cabaran dan peluang globalisasi kepada negara dalam masa terdekat ini ialah pelaksanaan sepenuhnya perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

14. Ditandatangani negara-negara anggota ASEAN pada tahun 1992, AFTA bertujuan untuk mewujudkan satu pasaran integrasi bagi ASEAN yang jumlah penduduknya lebih dari 500 juta orang. AFTA juga bertujuan untuk meletakkan ASEAN sebagai satu kawasan yang berdaya saing tinggi serta berupaya menarik pelaburan asing secara langsung. Pelaksanaan sepenuhnya AFTA pada tahun 2005 akan meningkatkan persaingan di kalangan negara-negara serantau, apabila setiap negara berusaha menjadi lebih kompetitif bagi menarik pelaburan langsung asing. Di samping itu, usaha kerajaan untuk memberikan bantuan kepada rakyat negara masing-masing menjadi semakin terhad. Subsidi dalam bentuk sumbangan kewangan di mana kerajaan memindahkan dana, melepaskan pendapatan yang sepatutnya diperolehi, menyediakan barangan dan perkhidmatan selain dari infrastruktur dan membuat pembayaran melalui satu mekanisme pembayaran tidak akan dibenarkan lagi.

15. Dalam konteks negara kita pula, kerajaan tidak akan lagi dibenarkan untuk menyalurkan bantuan melalui skim-skim khas tanpa justifikasi yang dibenarkan di bawah AFTA. Selain daripada itu, tariff 10 buah negara ASEAN di bawah AFTA akan dikurangkan kepada tahap 0 - 5 peratus menjelang 2003. Penurunan tariff ini akan menjadikan barangan buatan negara-negara jiran di mana kos pengeluarannya lebih rendah menjadi lebih murah.

16. Sedar atau tidak, rakyat Malaysia sebenarnya sedang mengharungi arus globalisasi. Arus globalisasi ini akan terus mencorakkan struktur ekonomi dan sosial rakyat Malaysia di masa hadapan. Oleh yang demikian, golongan intelektual muda Melayu perlu lebih prihatin dan peka kepada cabaran yang dibawanya. Berbekalkan semangat dan sikap yang positif, insya-Allah, golongan intelektual muda Melayu pasti berjaya dalam menghadapi cabaran dan merebut peluang yang dihidangkan oleh globalisasi.

17. Justeru itu, Kerajaan sentiasa memberi pandangan yang berat terhadap kegiatan intelektual muda Melayu serta perkembangannya. Intelektual muda Melayu yang berdisiplin akan lebih mudah dilatih, dan akan lebih tinggi lagi nilai sumbangan yang boleh diberi oleh mereka kepada negara.

18. Cabaran masa hadapan yang hebat dan canggih memerlukan satu persiapan dan persediaan diri. Negara kita sudah pasti akan terdedah kepada pelbagai pengaruh

dan tekanan dari dalam dan luar yang boleh menentukan maju mundurnya proses pembangunan dan kemajuan negara.

19. Tenaga intelektual muda Melayu adalah salah satu sumber yang penting bagi pembangunan negara. Oleh hal yang demikian, pembinaan intelektual muda secara sistematik di negara ini amat penting bagi memperolehi hasil yang maksima untuk pembangunan negara. Pembinaan intelektual muda perlu berasaskan prinsip yang kukuh. Sifat-sifat kepemimpinan yang matang merupakan asset yang perlu dimiliki oleh golongan intelektual muda Melayu dalam usaha pembangunan negara. Golongan intelektual muda Melayu hendaklah sentiasa mengamalkan prinsip-prinsip rukunegara supaya negara dapat membangun dalam suasana yang harmoni.

20. Memandangkan bahawa maju mundurnya sesebuah negara bergantung kepada sistem nilai yang diamalkan, golongan intelektual muda Melayu hendaklah menentukan bahawa nilai-nilai yang baik seperti kerajinan, disiplin, keikhlasan, kejujuran dan kebersihan menjadi sebahagian daripada nilai-nilai yang menggerakkan mereka.

21. Untuk mencapai matlamat mewujudkan sebuah masyarakat dan negara yang lebih kukuh dan makmur, apa yang perlu dititikberatkan di kalangan golongan intelektual muda Melayu ialah penekanan nilai-nilai sejagat atau nilai-nilai bersama seperti hormat-menghormati, cintakan tanah air, inginkan persahabatan dan keamanan. Ini memerlukan penglibatan, keazaman dan pengorbanan yang tinggi daripada semua intelektual muda Melayu di negara ini.

22. Tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan adalah agak sukar bagi golongan muda untuk mengharungi kesulitan kehidupan masa depan apatah lagi hendak memajukan negara. Ini boleh menjejaskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan yang hendak dicapai selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

23. Golongan intelektual muda Melayu harus mempunyai sikap berdikari dalam segala usaha. Mereka harus mempunyai matlamat hidup yang jelas, cita-cita tinggi untuk maju, disiplin diri dan berani menghadapi perubahan kearah kebaikan. Sikap-sikap yang negatif seperti takut menghadapi risiko, kurang minat terhadap sesuatu yang boleh mendatangkan faedah, tidak suka bekerjasama dan mementingkan diri sendiri hendaklah dikikis.

24. Peningkatan ilmu pengetahuan juga harus ditekankan. Dalam era ledakan hebat informasi masakini golongan intelektual muda Melayu tidak dapat tidak perlu mengikuti pelbagai perkembangan maklumat dan ilmu yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Kemajuan pesat yang berlaku dalam berbagai-bagai bidang seperti industri pembuatan, penyelidikan dan pembangunan, pendidikan moden, komputer, komunikasi, pengangkutan, seni bina dan sains dan teknologi, tidak boleh dipandang sepi oleh para belia. Ilmu dalam pelbagai bidang ini harus dicari dan dipelajari oleh golongan intelektual muda Melayu. Tanpa ilmu kita tidak dapat membawa negara ke mercu kejayaan.

25. Selain dari itu, golongan intelektual muda Melayu perlu menambahkan kemahiran mereka dalam berbagai lapangan usaha dan kegiatan. Tanpa kemahiran, golongan intelektual muda Melayu tidak akan dapat menjalankan atau mengendalikan apa-apa tugas yang memerlukan kecekapan dan kepakaran mereka. Sesungguhnya golongan intelektual muda Melayu generasi masakini merupakan golongan yang akan menentukan hala tuju pembangunan dan corak kepimpinan negara masa akan datang.

26. Kita harus sentiasa sedar dan menginsafi bahawa matlamat akhir negara ialah untuk mencapai kestabilan politik, perpaduan kaum dan keamanan hidup rakyat yang berkekalan. Kita ingin melihat masyarakat dan negara kita menjadi lebih maju, matang, progresif, berpengetahuan, berteknologi tinggi serta dihormati dan disanjung oleh negara-negara lain. Golongan intelektual muda Melayu merupakan golongan pelapis yang amat kritikal. Tanpa disiplin, tenaga intelektual muda Melayu tidak dapat dipadukan. Tenaga yang tidak dapat dipadukan tidak mungkin menjana negara ke arah kemajuan.

27. Memandangkan kepada hakikat inilah maka Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan penekanan kepada aspirasi golongan intelektual muda Melayu dan terus berusaha melengkapkan mereka dengan segala pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan oleh mereka. Insya-Allah, apabila sampai giliran bagi intelektual muda Melayu mengambil alih tempat orang dewasa, negara tidak perlu khuatir kerana mereka layak dan mampu membangunkan negara dengan lebih pesat lagi.

Sekian, Wabillahi Taufek Wal Hidayah, Wassalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.